

RM300,000 laksana program CSR Yayasan Matrix Concepts

SEREMBAN — Yayasan Matrix Concepts memperuntukkan dana lebih RM300,000 pada tahun ini bagi pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) termasuk membantu golongan asnaf dan anak yatim.

Pengerusinya, Datuk Noordin Mohd. Yatib berkata, menerusi peruntukan itu, bantuan turut diberikan kepada pihak sekolah yang memerlukan bantuan bagi tujuan meningkatkan kemudahan di sekolah terbabit.

"Peruntukan sebanyak RM300,000 ini bagi memberi bantuan kepada golongan memerlukan. Kami juga bersedia memberi bantuan sekiranya ada golongan yang memerlukan seperti kejadian kes kebakaran ru-

mah yang berlaku."

"Selain anak yatim dan warga emas, kami juga pada tahun ini turut memberi bantuan kepada 10 sekolah di negeri ini yang agak daif termasuk daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

"Kami juga berharap orang ramai atau individu yang mengetahui ada kes yang berkaitan agar tampil memaklumkan kepada kami agar bantuan dapat diberikan," katanya selepas Majlis Berbuka Puasa Bersama Yayasan Matrix Concepts di sini semalam.

Ujar Noordin, program majlis berbuka puasa itu yang turut merakamkan anak-anak yatim kembali dapat diadakan selepas kali terakhir pada 2019 akibat penularan wabak Covid-19.

"Pada tahun 2021 dan tahun lalu, kami menjalankan program dengan menghantar barang keperluan ke rumah anak-anak yatim terlibat," katanya.

Sementara itu, pada majlis berkenaan, seramai 100 orang anak yatim dan penjaga mereka dari tiga buah rumah anak yatim iaitu Darul Asnaf Seri Sendayan, Darul Asnaf Seri Tarjung dan Yayasan Kasih Sayang NS Kuala Pilah diraiknn.

Sebanyak RM3,000 turut disumbangkan kepada setiap rumah anak-anak yatim berkenaan.

Yayasan Matrix Concepts diperbadankan pada 3 Disember 2013 dalam usaha memberi CSR berkaitan pendidikan, sukan, komuniti, sosial dan persekitaran.



NOORDIN (berdiri kiri) menyerahkan sumbangan kepada anak-anak yatim dan asnaf pada Majlis Berbuka Puasa bersama Yayasan Matrix Concepts di Seremban semalam. — ZAKKINA WIATI AHMAD TARMIZI